

Kerajaan2 negeri beri akuan akan laksanakan semua resolusi KEB3 - PM

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Kerajaan - kerajaan negeri memberi pengakuan untuk menjayakan semua keputusan yang dicapai oleh Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga (KEB3) dengan ber-sungguh - sungguh, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Menteri - Menteri Besar membuat pengakuan itu sebagai tanda komitmen untuk melaksanakan resolusi KEB3 yang berakhir semalam.

"Kerajaan juga akan mengenalpasti jenis - jenis perniagaan yang boleh disertai oleh bumiputera selaras dengan resolusi yang dicapai oleh kongres tersebut," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Beliau berkata, mesyuarat

Oleh
Hanafiah Man

Majlis Tertinggi hari ini membincangkan perkara tersebut secara umum sahaja keputusan - keputusan yang dicapai oleh KEB3 kerana pelaksanaannya memerlukan penelitian yang lebih terperinci.

Ditanya bentuk sokongan yang diberikan oleh Presiden China terhadap penubuhan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), beliau berkata, negara itu sanggup untuk menyertai EAEC sekiranya Malaysia sudah menubuhkan kerjasama tersebut.

Beliau berkata, China sedia mengadakan perundingan dengan Malaysia apabila negara ini menghadapi masalah dengan mana-mana blok perdagangan antarabangsa yang

menggugat perdagangan bebas.

Mengenai Pengerusi Pos Malaysia Berhad (PMB), Perdana Menteri berkata, perkara itu belum diputuskan lagi oleh kabinet.

Katanya, walaupun Kesatuan Pekerja Pos menyatakan banyak masalah yang timbul tetapi kerajaan tetap akan berusaha untuk menyelesaikan masalah yang timbul sekarang.

"Walaupun ada masalah tetapi itu bukanlah menyebabkan mereka berada dalam kegelapan. Apa yang penting pekerja dan majikan perlu bekerjasama untuk menjayakan Pos Malaysia Berhad.

"Kita juga tidak perlu gopoh dalam membuat sesuatu per-

kara kerana ia boleh membawa kepada keburukan," ujar Perdana Menteri.

Kepada soalan mengenai kewujudan TV4, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kabinet belum memutuskan perkara tersebut dan tidak lagi membuat perbincangan untuk memberikan permit kepada TV4.

Katanya, buat masa ini beliau hanya mengetahui perkara itu melalui laporan - laporan akhbar sahaja.

"Kadangkala laporan akhbar kita tidak boleh percaya sangat," tambahnya.

Ditanya sama ada mesyuarat hari ini membincangkan isu raja-raja yang dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung UMNO November lalu, beliau menyatakan, ia hanya dibincangkan secara umum sahaja dan tiada apa-apa keputusan dibuat mengenainya.